

**TAHAP KEBERKESANAN PENGURUSAN DANA KE ATAS  
AKTIVITI PENCEGAHAN JENAYAH DAN PENCEGAHAN DADAH  
DIKALANGAN PERTUBUHAN YANG BERDAFTAR DI BAWAH  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)**

**Nik Azmi Nik Omar, Wan Zainul Azam Khamid, Norhayati Rafida  
Abdul Rahim, Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli, Norazam Mohd Noor,  
Mohamad Isa Amat, Khairunneezam Mohd Noor**

**ABSTRAK**

Inisiatif pemberian Geran Komuniti (G-KOM) telah dimulakan pada tahun 2013 telah diteruskan pada tahun 2014 sehingga tahun 2019. Pemberian dana memberikan impak positif kepada masyarakat di mana, kerajaan telah membantu memperkasakan pertubuhan bagi bersama-sama mewujudkan kawasan kejiranan yang selamat, bersih dan tenteram. Manakala pada tahun 2018, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) terus berkolaborasi dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan inisiatif ini juga dipanjangkan kepada pertubuhan Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Pada tahun 2019, JPPM telah menerajui secara keseluruhan dalam pemberian geran ini dan pemberian G-KOM hanya kepada pertubuhan Persatuan Penduduk, Kebajikan dan Keselamatan yang berdaftar di bawah JPPM dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta. Sebagai agensi yang mengawal selia pendaftaran pertubuhan di Malaysia, JPPM mengambil tanggungjawab yang serius bagi memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Sejauh manakah keberkesanan pengurusan dana terhadap aktiviti pencegahan jenayah dan pencegahan dadah? Apakah terdapat perhubungan di antara pengurusan dana aktiviti pencegahan jenayah dan juga pencegahan dadah? Apakah terdapat pengaruh demografi responden ke atas keberkesanan pengurusan dana? Antara objektif kajian ialah, 1) untuk mengenal keberkesanan pengurusan dana kepada komuniti dari segi pencegahan jenayah; 2) untuk mengenal pasti manfaat dana kepada komuniti dari segi aktiviti pencegahan dadah dan 3) untuk mengenalpasti hubungkait pengurusan dana pencegahan jenayah dan pencegahan dadah serta latarbelakang demografi. Kajian ini

menggunakan pendekatan kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang telah dibina menggunakan pautan Google Form. Pemilihan teknik kutipan data secara atas talian adalah dibuat selepas mempertimbangkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berikutan dari penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian A, B, C dan D. Terdapat tiga jenis soalan iaitu soalan tertutup (aneka pilihan/pilihan lebih dari satu), soalan terbuka dan skala Likert. Kajian ini menerima maklum balas daripada 1188 responden dalam kalangan pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM. Seterusnya data yang diperolehi oleh kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Procedure for Social Science (SPSS). Antara analisis yang dijalankan adalah analisis deskriptif (seperti frekuensi, peratusan, purata dan sisihan piawai) dan inferensi seperti ujian Korelasi Pearson, Ujian-T dan Analisa Variasi (ANOVA).

***Kata kunci:*** Pematuhan, G-KOM, Keselamatan, Jenayah, Dadah

The Community Grant (G-KOM) initiative begins in 2013 and continues in 2014 until 2019. The funding has a positive impact on the community where the government has helped empowering organizations to ensure safe, clean and peaceful. In 2018, The Registry of Societies Malaysia (ROS) has continued to collaborate with the Ministry of Housing and Local government, which is extended to the Rukun Tetangga Group (KRT) and Voluntary Patrol Scheme (SRS) under the Department of National Unity and Integration (PERPADUAN). In 2019, ROS leads the G-KOM fund to Residents, Welfare and Security Associations registered under ROS with a total allocation of RM20 million. As the agency that regulates the registration of societies in Malaysia, the ROS takes a solemn responsibility to ensure security and peace and preserve the people's well-being. What is the effectiveness level for fund management on crime prevention and drug prevention activities? Is there a relationship between the fund management of crime prevention activities and also drug prevention? Is there any influence of respondent demographics on the effectiveness of fund management? Among the study's objectives is 1) to identify the effectiveness level of fund management in terms of crime prevention, 2) to identify the effectiveness level of fund management in terms of drug prevention activities, and 3) to examine the correlation between the

two activities and the influence of demographic background towards the fund management. This study uses a quantitative approach using a questionnaire form that has been constructed using the Google Form link. The selection of online data collection techniques is made after considering the Conditional Movement Control Order following the outbreak of COVID-19 in Malaysia. The questionnaire is divided into three sections A, B, and C. There are three types of questions: closed-ended questions (multiple choice/more than one option), open-ended questions, and Likert scale. The study involves 1188 respondents among establishments registered under ROS. The data obtained by this study are analyzed using Statistical Procedure for Social Science (SPSS) software. The analyses conducted include descriptive (frequency, percentage, mean and standard deviation) and inference such as Pearson Correlation test, T-Test and Analysis of Variation (ANOVA).

**Keywords:** *Compliance, G-KOM, Safety, Crime, Drugs*

## **PENDAHULUAN**

Menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), istilah persatuan penduduk adalah merujuk kepada persatuan penduduk yang berdaftar dengan JPPM. Selain dari itu, persatuan penduduk haruslah berdaftar dalam Kategori Sosial (Sub-Kategori Penduduk) serta berstatus aktif.

Geran Komuniti (G-KOM) bagi tahun 2019 ini diberikan kepada persatuan penduduk yang aktif serta belum pernah memohon bagi G-KOM tahun 2018. Bagi persatuan penduduk yang tidak aktif dan tidak mematuhi peruntukan perlembagaan pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) adalah berisiko tinggi untuk tidak dipertimbangkan sebagai penerima G-KOM. Selain daripada mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan bagi permohonan G-KOM, persatuan penduduk yang memohon juga haruslah mempunyai reputasi yang baik serta tidak disenaraihitamkan daripada menerima G-KOM.

Pemberian Geran Komuniti (G-KOM) telah bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2015 dan disambung semula pada tahun 2017, 2018 dan 2019. Dengan bantuan geran ini, masyarakat dapat menikmati persekitaran kejiranan

yang selamat serta selesa hasil daripada pemerksaan pertubuhan yang dilantik di bawah JPPM. Tidak dapat dinafikan bahawa geran ini dapat memberikan impak yang positif kepada kerajaan dan masyarakat dalam bersama-sama meningkatkan taraf keselamatan dalam kejranaan khususnya serta dalam negara amnya.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2017, JPPM telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melibatkan Joint Management Body (JMB)/Management Corporation (MC) melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi bersama-sama di bawah inisiatif ini. Manakala pada tahun 2018, JPPM telah berkolaborasi dengan KPKT dan inisiatif ini dipanjangkan kepada pertubuhan Kumpulan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Pada 2 November 2018, menerusi ucapan bajet 2019 YB Menteri Kewangan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta selaras dengan Para 189, Perkara Keenam iaitu pemberian dana ini diperluaskan kepada pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM bertujuan untuk melaksanakan aktiviti komuniti, keselamatan, kebersihan dan program kejranaan bagi memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara. JPPM telah menerajui secara keseluruhan dalam pemberian geran ini dan pemberian G-KOM 2019 hanya kepada pertubuhan berkategori Sosial Penduduk, Kebajikan dan Keselamatan yang berdaftar di bawah JPPM.

Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada kajian keberkesanan telah dijalankan bagi membuat penilaian semula keperluan pemberian dana G-KOM untuk membangunkan prasarana masyarakat setempat dari aspek aktiviti, perolehan peralatan, kumpulan sasar dan kesesuaian agihan dana. Justeru, Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Kajian Keberkesanan Pemberian Geran Komuniti 2019 (G-KOM 2019) ke atas pertubuhan yang menerima dana dari seluruh negara. Hasil dapatan

diharapkan dapat memberi input dan nilai tambah kepada penganjuran program G-KOM pada masa akan datang.

Oleh yang demikian itu, kajian ini memberi fokus kepada beberapa objektif seperti berikut:

1. Untuk mengkaji tahap keberkesanan penggunaan dana G-KOM bagi aktiviti pencegahan jenayah;
2. Untuk mengkaji tahap keberkesanan penggunaan dana G-KOM bagi aktiviti pencegahan dadah; dan
3. Untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pengagihan dana G-KOM pada masa akan datang.

## **SOROTAN KARYA**

Kajian ini memberi fokus kepada dua pemboleh ubah iaitu jenayah dan juga dadah. GKOM mengenalpasti kedua-dua aspek ini sebagai keutamaan penggunaan dana secara keseluruhan. Selain dari pembelian barang, GKOM memiliki harapan yang tinggi agar dana ini dapat digunakan dalam menjalankan program ke arah pencegahan jenayah dan juga penyalahgunaan dadah.

### **Aktiviti Pencegahan Jenayah di Malaysia**

Dalam sejarah peradaban manusia, orang tua dan kanak-kanak menjadi keutamaan untuk dilindungi dari sebarang bahaya sekiranya berlaku perang atau perdamaian. Islam dan agama lain di dunia ini akan melarang sesiapa sahaja untuk menyakiti golongan tua. Malaysia dikenali sebagai salah satu negara yang paling pesat membangun di Asia Tenggara. Salah satu cabaran yang dihadapi oleh negara adalah peningkatan kadar jenayah (Wong, 2006). Namun, di Malaysia sebagai negara yang di dominasi oleh Islam, banyak kes melaporkan pembunuhan terhadap orang tua (Hafiz Hamzah, 2009).

Malaysia sebagai anggota komuniti polis antarabangsa menggunakan frasa 'Index Crime' untuk mengukur jenayah yang dilaporkan sama ada laporan dibuat oleh mangsa, saksi atau atas inisiatif pihak polis (Sidhu, 2005). PDRM telah mengetahui bahawa terdapat jenayah yang berlaku tidak

dilaporkan dan menyebabkan jenayah itu tidak direkodkan sebagai jenayah indeks (Hew, et al., 2019).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor seperti prasarana di bandar itu sendiri yang menimbulkan pelbagai masalah, kerana ia melibatkan perubahan yang cepat dalam struktur sosial negara menjadikan perbezaan ini adalah perkara biasa (Spence et al., 2009). Urbanisasi mendorong penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar dan mereka biasanya diberi gaji yang rendah, peluang pekerjaan yang terhad dan akses ke perumahan bandar. Penghijrahan penduduk luar bandar ini menyebabkan mereka terdedah dengan pekerjaan yang berbahaya, kotor, dan bergaji rendah hingga mengubah mereka menjadi penduduk miskin bandar yang dibenci (Tacoli, McGranahan, & Satterthwaite, 2015).

Sehingga kini, ahli sosiologi melihat wujud hubungan kemiskinan bandar dengan jenayah di mana jenayah biasanya berlaku di kawasan penduduk yang berpendapatan rendah (Bobo, 2009; Ludwig, Duncan, & Hirschfield, 2001; Sampson & Laub, 1994; Sampson, Raudenbush, & Earls, 1997; Soh, 2012). Jenayah juga sering dilihat mempunyai impak yang tinggi terutamanya sifat jenayah yang berlaku telah mendorong untuk terus berlaku di kawasan kejiranan ini (Ludwig et al., 2001; Sampson et al., 1997; Schrag & Scotchmer, 1997).

### **Aktiviti Pencegahan Dadah di Malaysia**

Penyalahgunaan dadah yang semakin pesat dan berkembang seperti kemunculan dadah baru, penggunaan pelbagai jenis dadah dan pelbagai kategori penagih seperti kanak-kanak, golongan belia dan dewasa memerlukan perancangan dasar, pendekatan dan program dilaksanakan. Sebagai contoh, antara program yang tersedia untuk rawatan dan pemulihan dadah adalah komuniti terapeutik, psikososial, program pengurangan bahaya dan juga program berasaskan bukti memerlukan perancangan yang komprehensif. Walau bagaimanapun, kemampuan sumber manusia untuk bertindak sebagai kaunselor, kakitangan klinikal dan pentadbiran mencabar pelaksanaan program rawatan dan pemulihan dadah ini (Chie et al., 2016; Vicknasingam & Mazlan, 2008). Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan

(2016) menyatakan bahawa masalah kekurangan kepakaran dalam mengendalikan program ini telah diakui.

Di samping itu, perancangan pendekatan baru dalam rawatan dan pemulihan dadah memerlukan modul baru, pengetahuan baru serta kemahiran baru untuk diberikan kepada sumber daya manusia. Kesan negatif media sosial juga terbukti menjadi salah satu cabaran terbaru dalam rawatan dan pemulihan dadah. Kajian Bollinger et al. (2010) menunjukkan bahawa; gambar rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar kerana alkohol dan penyalahgunaan dadah telah menarik minat remaja untuk terlibat dengan ketagihan tersebut. Jurang dari segi penggunaan teknologi dan media sosial juga mempengaruhi keberkesanan program rawatan dan pemulihan dadah. Ini juga merupakan salah satu penyebab pengulangan semula penagihan yang akan mempengaruhi pemulihan individu yang terlibat dengan penagihan dadah. Oleh itu, tanpa fleksibiliti dan kreativiti dalam pelaksanaan program oleh kakitangan klinikal atau kaunselor, proses pemulihan di kalangan penagih dadah akan selalu menjadi cabaran.

Antara objektif yang disenaraikan dalam Dasar Dadah Negara 2017 adalah untuk meningkatkan kemampuan memerangi penyeludupan, pemprosesan, pengedaran dan penagihan dadah. Objektif ini dapat dicapai melalui teras ke-4, iaitu pengurangan bahaya. Sukarelawan sangat diperlukan untuk memastikan bahawa kes dadah ini dapat dibanteras dari peringkat masyarakat. Menurut Eksekutif Lembaga, Malaysia Crime Prevention Foudation (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye. *“Jelas sekali, tiada pihak boleh menyelesaikan masalah dadah secara bersendirian. Kerajaan bukan sahaja memerlukan sokongan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan sukarela dan organisasi keagamaan, tetapi juga komitmen penuh mereka dalam membanteras dadah,”* (Alan, 2018).

Menurut Khalid (2019), usaha pemerintah, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan sosial dalam memerangi dadah kini menghadapi cabaran besar. Cabaran ini melibatkan perjuangan ideologi dan perspektif, di mana pengaruh liberal yang semakin berleluasa di blog dan laman media sosial memperlihatkan seolah-olah dadah itu sebagai tidak berbahaya atau berbahaya. Inisiatif pencegahan sebagai strategi untuk mengatasi masalah dadah sangat penting dan akan memberi kesan yang berkekalan jika

dilaksanakan dengan betul. Usaha-usaha tersebut disarankan untuk digabungkan dengan tindakan penguatkuasaan berterusan oleh badan penguatkuasaan dan undang-undang yang kuat untuk memperkukuhkan usaha memerangi dadah dengan lebih jauh. Dengan aktiviti pembangunan seperti sukatan atau menghabiskan masa sebagai sukarelawan di rumah kebajikan, membaca dan sebagainya, satu masa akan dipenuhi dengan aktiviti positif.

### 80 SUKARELAWAN PEMADAM UNIVERSITI AWAM TURUN PADANG BENTERAS GEJALA DADAH



Perkembangan masyarakat yang tidak seimbang yang mementingkan kebendaan dan mengetepikan kerohanian dan moral akan merosakkan institusi sosial (Kamal, 2019). Ini membuka ruang untuk penyakit sosial seperti ketagihan dadah dan alkohol, kehamilan remaja di luar nikah, pengguguran dan gaya hidup terbalik. Dari ‘Abd Allah Ibn Umar, Nabi Muhammad SAW mengatakan, “Segala sesuatu yang memabukkan adalah khamr dan segala yang memabukkan adalah haram” (HR Muslim, Kitab al-Asyribah, Bab Bayan Anna Kulii Muskir Khamr, no. 2003).

Dasar Dadah Negara 2017 mencadangkan beberapa pendekatan untuk mencegah dadah dalam masyarakat (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2019). Tidak dapat dinafikan bahawa ahli keluarga dan anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam proses pemulihan seorang penagih. Mereka adalah agen penting dan perlu digerakkan secara bersepadu untuk membantu penagih kembali ke masyarakat melalui sistem penyatuan semula. Itu sering digunakan sekiranya proses sosialisasi ini gagal kerana penolakan



dan stigma negatif di kalangan keluarga dan masyarakat terhadap bekas penagih. Sistem ketagihan bekas penagih perlu diaktifkan untuk memberi kesedaran bahawa mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab dan pemerintah membantu bekas penagih melalui proses pemulihan sambil memberikan kemampuan dan kemahiran asas kepada penagih yang melakukan proses pemulihan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah penyelidikan yang digunakan bagi penyelidikan ini adalah bersifat kuantitatif. Menurut (Ghazali & Sufean, 2016), istilah kuantitatif terbit daripada perkataan '*quantity*' atau '*quantify*' yang mana merujuk kepada suatu yang memungkinkan untuk di bilang, dikira, diukur dan diletakkan nilainya dengan nombor. Kaedah penyelidikan kuantitatif merujuk kepada suatu proses kajian yang akhirnya akan menghasilkan suatu laporan ilmiah bagi tujuan penyelesaian masalah mengikut bidang-bidang ilmu yang tertentu. Tambahan pula, penyelidikan kuantitatif boleh diklasifikasikan sebagai suatu bentuk kajian yang menggunakan kaedah statistik dan numerikal sebagai dapatan utama.

Kaedah penyelidikan kuantitatif melibatkan pembangunan instrumen seperti soal selidik dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang boleh diukur melalui penjelasan statistik. Antara fungsi utama penyelidikan kuantitatif adalah membuat analisis deskriptif, inferensi serta membuat ramalan secara statistik. Antara objektif penyelidikan kuantitatif ini adalah bertujuan melihat hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji serta membuat teori awal berkaitan hubungan tersebut.

### **Populasi dan Pensampelan**

Pensampelan rawak telah digunakan berdasarkan senarai pertubuhan yang menerima dana G-KOM pada tahun 2019 iaitu sebanyak 2,047 pertubuhan dari seluruh negara. Seramai 1,294 responden daripada keseluruhan populasi telah menjawab soal selidik tersebut. Data yang diterima telah dikemas kini dengan mengambil kira *outlier* yang perlu diasingkan bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Oleh itu, kajian ini melibatkan 1,188 orang responden sahaja untuk dianalisis sebagai dapatan kajian.

## INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah Google Form telah diguna pakai di dalam kajian ini menerusi edaran oleh pihak JPPM kepada responden. Penggunaan kaedah ini adalah paling sesuai susulan penularan pandemik COVID-19 di seluruh negara yang membataskan pergerakan para penyelidik. Dalam laporan ini, penggunaan istilah responden adalah merujuk kepada individu yang menjawab borang soal selidik. Manakala, istilah pertubuhan pula merujuk kepada persatuan penduduk yang berdaftar di bawah JPPM. Lokasi kajian adalah melibatkan 13 buah negeri dan 3 buah wilayah persekutuan di seluruh negara.

Soal selidik ini mengandungi empat (4) bahagian utama iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Langkah Pencegahan Jenayah), Bahagian C (Penyalahgunaan Dadah), dan Bahagian D (Perancangan Akan Datang) (rujuk Jadual 1).

**Jadual 12: Bilangan Soalan Mengikut Bahagian**

Bil	Bahagian	Bilangan Soalan
1	Bahagian A	11
2	Bahagian B	6
3	Bahagian C	7
4	Bahagian D	7

Bagi memastikan nilai kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen atau soal selidik yang diedarkan, kajian ini merujuk kepada nilai *Alpha Cronbach* ( $\alpha$ ) bagi item yang menggunakan skala *Likert* (1 hingga 5). Analisis yang dijalankan memberi nilai keputusan skor kebolehpercayaan bagi item yang mengukur Bahagian B dan C (sila rujuk Jadual 2). Berdasarkan dapatan ini, terdapat satu (1) item untuk Bahagian B yang perlu dimansuhkan bagi mendapat skor kebolehpercayaan yang tinggi iaitu item '*dana yang disalurkan telah digunakan bagi penambahbaikan jalan keluar masuk kawasan kediaman/taman*'.

**Jadual 13: Skor Kebolehpercayaan Instrumen Mengikut Bahagian**

<b>Bahagian</b>	<b><math>\alpha</math></b>	<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
B	0.832	7 Item	6 Item
C	0.929	7 Item	7 Item

Pengumpulan data bermula dari 23 Oktober 2020 hingga 10 November 2020 dan data dianalisis sebaik sahaja kajian telah mencapai jumlah responden yang dikehendaki. Tempoh yang diberikan oleh pihak JPPM adalah bersesuaian dengan mengambil kira komitmen para responden yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa bagi setiap persatuan. Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan untuk menjawab soal selidik tersebut.

Proses pengumpulan data telah menerima maklum balas sebanyak 1,294 pertubuhan. Kajian ini menggunakan perisian statistik *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dalam proses penganalisan data. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini iaitu seperti *T-Test*, ANOVA dan korelasi *Pearson*.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian adalah berdasarkan setiap data yang telah diterima dan dikumpulkan daripada semua responden. Dapatan kajian disusun berdasarkan tiga objektif utama iaitu manfaat dana kepada komuniti dari segi aktiviti pencegahan jenayah, aktiviti pencegahan dadah dan mengemukakan cadangan penambahbaikan. Walau bagaimanapun, analisis deskriptif adalah merujuk kepada demografi responden seperti jantina, umur, negeri, pengalaman menyandang jawatan dalam persatuan, tempoh menetap di taman/desa/kampung, bilangan rumah di dalam taman/desa/kampung, tempoh penempatan komuniti bagi taman/desa/kampung, pendaftaran pertubuhan dengan JPPM, dan kekerapan menerima dana G-KOM.

### **Demografi Responden**

Populasi responden kajian ini melibatkan wakil-wakil pertubuhan yang telah berdaftar di bawah JPPM dari seluruh negara. Secara keseluruhannya seramai

1,188 responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada 923 (sila rujuk Jadual 3) responden lelaki (77.7%) dan selebihnya ialah 265 orang (22.3%) responden perempuan.

**Jadual 14: Latar Belakang Demografi Mengikut Jantina**

<b>Item</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	923	77.7
Perempuan	265	22.3

Kajian ini juga membuat analisis taburan umur responden mengikut jantina (rujuk Jadual 4). Secara keseluruhan, lelaki merupakan kelompok majoriti berbanding dengan wanita bagi semua kategori umur kecuali bagi responden berumur 80 tahun ke atas iaitu seorang wanita. Namun, kelompok responden yang tertinggi iaitu 250 orang merupakan kategori mereka yang berumur antara 48 tahun hingga 50 tahun bersamaan dengan 21 peratus. Daripada jumlah ini, 189 orang daripada jumlah keseluruhan adalah lelaki dan hanya 61 orang sahaja dalam kalangan wanita. Ini diikuti pula kelompok responden yang berumur antara 36 tahun hingga 41 tahun ialah seramai 222 orang di mana 170 orang adalah lelaki dan 52 orang adalah wanita. Kategori ini mewakili sebanyak 18.7% daripada bilangan keseluruhan kajian. Kategori tertinggi seterusnya ialah yang berumur di antara 42 tahun hingga 47 tahun iaitu seramai 209 orang (17.6%). Daripada jumlah ini, 177 orang adalah lelaki dan wanita seramai 32 orang.

Mengambil kira taburan umur responden (rujuk Jadual 4), kajian ini mendapati bilangan responden yang paling tinggi adalah kelompok umur 48 tahun hingga 54 tahun iaitu seramai 250 orang (21%), diikuti dengan kelompok umur 36 tahun hingga 41 tahun seramai 222 orang (18.7%), dan kelompok umur 42 tahun hingga 47 tahun seramai 209 orang (17.6%). Dapatan ini menunjukkan kelompok umur responden iaitu 36 tahun hingga 54 tahun yang menepati julat umur produktif dan mempunyai nilai tanggung jawab yang tinggi dalam memikul tugas dalam pertubuhan (Priyono, 1995).

**Jadual 15: Latar Belakang Demografi Mengikut Umur**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan</b>
1	25 tahun-30 tahun	32	20	52	4.4
2	31 tahun-35 tahun	82	27	109	9.2
3	36 tahun-41 tahun	170	52	222	18.7
4	42 tahun-47 tahun	177	32	209	17.6
5	48 tahun-54 tahun	189	61	250	21.0
6	55 tahun-60 tahun	135	40	175	14.7
7	61 tahun-66 tahun	105	26	131	11.0
8	67 tahun-74 tahun	31	6	37	3.1
9	75 tahun-80 tahun	2	-	2	0.2
10	Lebih daripada 80 tahun	-	1	1	0.1

Merujuk kepada taburan jantina pula, penglibatan aktif dalam pengurusan aktiviti pertubuhan banyak dimonopoli oleh kelompok lelaki dewasa dari umur 31 tahun hingga 66 tahun. Walau bagaimanapun, ada beberapa responden yang lebih muda berusia 25 tahun hingga 30 tahun iaitu seramai 52 orang (4.4%) terdiri dari 32 orang lelaki dan 20 orang wanita. Selain itu, 109 (9.2%) responden yang berumur dari 31 tahun hingga 35 tahun juga menunjukkan angka bilangan lelaki yang lebih ramai iaitu 82 orang dan 27 orang wanita sahaja.

Walaupun bagaimanapun, kelompok umur dari 55 tahun hingga 60 tahun adalah lebih rendah iaitu seramai 175 orang (14.7%) di mana hanya empat orang sahaja wanita dan selebihnya adalah golongan lelaki. Bilangan responden lebih menurun pada kategori umur yang lebih tinggi di mana 11% daripada jumlah keseluruhan adalah pada kategori umur di antara 61 tahun hingga 66 tahun iaitu seramai 131 orang. Daripada jumlah ini, 105 orang adalah lelaki dan 26 orang wanita. 3.1% daripada jumlah keseluruhan responden menunjukkan bilangan responden seramai 37 orang di mana enam orang sahaja dari golongan wanita. Dua orang lelaki dari kelompok umur yang lebih senior iaitu di antara 75 tahun hingga 80 tahun. Hanya seorang responden wanita berada dalam kelompok umur lebih dari 80 tahun.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, penglibatan seramai 1,188 pertubuhan dari 13 negeri dan tiga (3) wilayah persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan (rujuk Jadual 5). Berdasarkan kepada analisis deskriptif, Jadual 5 menunjukkan Negeri Selangor mempunyai paling ramai responden seramai 392 (33%) orang daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 1,188 orang. Ini diikuti dengan responden dari Melaka iaitu seramai 131 orang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) seramai 118 (9.9%) orang. Manakala Perlis 3 orang, Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP) adalah 8 orang dan Wilayah Persekutuan Labuan (WPL) hanya 1 orang yang mana mencatatkan jumlah responden terendah.

**Jadual 16: Latar Belakang Demografi Mengikut Negeri**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan</b>
1	Selangor	392	33
2	Melaka	131	11
3	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	118	9.9
4	Perak	110	9.3
5	Pahang	76	6.4
6	Johor	76	6.4
7	Terengganu	60	5.1
8	Kelantan	56	4.7
9	Pulau Pinang	45	3.8
10	Negeri Sembilan	37	3
11	Sabah	36	3
12	Kedah	24	2
13	Sarawak	15	1.3
14	Wilayah Persekutuan Putrajaya	8	0.7
15	Perlis	3	0.3
16	Wilayah Persekutuan Labuan	1	0.1

Aspek kategori pekerjaan dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama: i) pengurusan; ii) sokongan; dan iii) lain-lain (rujuk Jadual 6). Kelompok pengurusan merujuk kepada responden yang terlibat dalam pengurusan atau

profesional di tempat kerja masing-masing dengan jumlah responden terendah seramai 129 orang. Kelompok kategori lain-lain pula mendominasi kelompok responden paling ramai iaitu 596 orang (50%). Kelompok ini adalah terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri, pesara dan tidak bekerja. Ini diikuti oleh kelompok sokongan berjumlah 463 orang (39%) yang terdiri dari mereka yang menjawat jawatan kerani, pembantu tadbir, penyelia dan juga pembantu operasi.

**Jadual 17: Latar Belakang Demografi Mengikut Jawatan Hakiki**

Item	Kekerapan (n)	Peratusan
Pengurusan/Professional	129	11
Sokongan	463	39
Lain-lain*	596	50

\*Nota: Lain-Lain merujuk kepada jawapan yang umum seperti pemasaran, pendidikan, pentadbiran dan operasi.

Jadual 7 menjelaskan taburan responden mengikut jawatan mereka di dalam pertubuhan itu sendiri. Berdasarkan kepada maklum balas daripada 1,188 responden, 72.5 peratus daripada mereka adalah berjawatan Bendahari (861). Ini diikuti pula dengan kelompok Ahli Jawatankuasa Pertubuhan iaitu seramai 255 orang (21.5%). Manakala kelompok responden terendah adalah berjawatan Pengerusi/Timbangan Pengerusi (3.2%) dan Setiausaha (2.9%). Dapatan ini merupakan refleksi kepada tugas Bendahari yang bertanggungjawab dalam menguruskan perbelanjaan dana.

**Jadual 18: Latar Belakang Demografi Mengikut Jawatan Di Dalam Pertubuhan**

Item	Kekerapan (n)	Peratusan
Pengerusi/Timbangan Pengerusi	38	3.2
Bendahari	861	72.5
Setiausaha	34	2.9
Ahli Jawatankuasa	255	21.5

Jika diperhatikan taburan data G-KOM ini, daripada 1,188 responden yang memberikan maklum balas, 594 orang atau 50 peratus daripada jumlah keseluruhan responden dengan pengalaman menyandang jawatan kurang daripada dua (2) tahun. Ini diikuti pula kelompok responden yang berpengalaman dari tiga (3) hingga lima (5) tahun dengan jumlah kekerapan 370 orang (31.1%) dan kelompok responden dengan pengalaman jawatan dari sembilan (9) tahun hingga 11 tahun dengan jumlah kekerapan 59 (5%). Merujuk kepada JPPM, taburan ini adalah selari dengan Prinsip Pertama di bawah Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan (COGG) untuk pemegang bagi jawatan yang disandang. Prinsip ini mengesyorkan tempoh yang sesuai dalam memegang jawatan dalam pertubuhan adalah selama enam tahun dan pelantikan semula jawatankuasa dilaksanakan setiap penggal. Had maksimum tempoh memegang satu jawatan yang dibenarkan adalah 12 tahun.

Walaupun analisis data menunjukkan lebih daripada 85 peratus responden secara keseluruhannya mempunyai pengalaman di bawah 10 tahun memegang jawatan dalam pertubuhan, masih terdapat beberapa pertubuhan yang masih mempunyai lapisan kepimpinan pengurusan yang sama dan pengalaman yang lebih lama iaitu antara 12 tahun hingga 30 tahun dalam pertubuhan. Ini menunjukkan ada beberapa pertubuhan yang masih mengekalkan beberapa individu penting di dalam kelestarian kepimpinan pertubuhan yang ada (rujuk Jadual 8)

**Jadual 19: Latar Belakang Demografi Mengikut Pengalaman Menyandang Jawatan**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan</b>
1	0 tahun-2 tahun	594	50.0
2	3 tahun-5 tahun	370	31.1
3	6 tahun-8 tahun	120	10.1
4	9 tahun-11 tahun	59	5.0
5	12 tahun-14 tahun	15	1.3
6	15 tahun-17 tahun	11	0.9
7	18 tahun-20 tahun	13	1.1
8	21 tahun-23 tahun	2	0.2



9	24 tahun-26 tahun	2	0.2
10	27 tahun-30 tahun	2	0.2

Analisis deskriptif untuk tempoh penempatan responden di taman/desa/kampung menunjukkan seramai 1,048 responden (88.2%) yang menetap di antara tempoh setahun hingga 34 tahun. Hanya 137 responden sahaja (11.5%) yang menyatakan mereka telah menetap di situ lebih daripada 35 tahun hingga 68 tahun (rujuk Jadual 9). Selain dari kawasan-kawasan yang baharu, 11.8% daripada mereka adalah dalam kelompok penempatan yang lebih lama berbanding dengan 88.2% iaitu seramai 1,048 responden.

**Jadual 20: Latar Belakang Demografi Mengikut Tempoh Menetap di Taman/Desa/Kampung**

Bil	Item	Kekerapan (n)	Peratusan
1	1 tahun-34 tahun	1048	88.2
2	35 tahun dan ke atas	140	11.8

Saiz kepadatan penduduk amat berbeza di antara satu kawasan pertubuhan kepada pertubuhan yang lain. Sudah tentunya kepadatan rumah-rumah di taman perumahan mempunyai kepadatan penduduk lebih tinggi daripada kampung tradisional. Manakala jumlah bilangan rumah di kawasan flat, pangsapuri, dan apartment dijangkakan lebih tinggi jumlah bilangan rumah berdasarkan saiz keluasan pertubuhan tersebut. Analisis deskriptif menunjukkan majoriti responden pertubuhan merekodkan seramai 960 (80.8%) pertubuhan mempunyai bilangan rumah dari 13 hingga 566 buah rumah di dalam pertubuhan mereka. Ini diikuti responden pertubuhan yang mempunyai rumah dari 567 buah hingga 1,120 buah dengan kekerapan seramai 145 (12.2%) orang. Manakala baki seramai 83 responden pertubuhan melaporkan pertubuhan yang mempunyai bilangan rumah dari 1,121 hingga melebihi 5,000 buah rumah (rujuk Jadual 10).

**Jadual 21: Latar Belakang Demografi Mengikut Bilangan Rumah di Taman/Desa/Kampung**

Bil	Item	Kekerapan (n)	Peratusan
1	13-566	960	80.8
2	567-1120	145	12.2
3	1121-1674	31	2.6
4	1675-2228	18	1.5
5	2229-2782	7	0.6
6	2783-3336	7	0.6
7	3337-3890	3	0.3
8	3891-4444	4	0.3
9	4445-5000	6	0.5
10	5000 dan ke atas	7	0.6

Analisis deskriptif kajian geran G-KOM ini menunjukkan terdapat tempoh penempatan komuniti (taman perumahan/desa baru) bagi pertubuhan yang masih baru iaitu setahun sehingga 30 tahun sebanyak 74% dengan kekerapan seramai 882 responden dan diikuti dengan peratusan yang lebih rendah iaitu 17% seramai 196 responden bagi tempoh penempatan yang lebih lama iaitu di antara 31 tahun hingga 60 tahun. Hanya 9% responden iaitu dengan kekerapan seramai 110 orang sahaja yang tempoh penempatannya lebih lama iaitu lebih dari 61 tahun (rujuk Jadual 11).

**Jadual 11: Latar Belakang Demografi Mengikut Tempoh Penempatan Komuniti di Taman/Desa/kampung**

Bil.	Item	Kekerapan (n)	Peratusan
1	1 tahun-30 tahun	882	74
2	31 tahun-60 tahun	196	17
3	61 tahun dan ke atas	110	9

Merujuk kepada penulisan Ghafar (1993) tempoh penyelenggaraan bagi sesebuah kawasan itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu jangka panjang dan jangka pendek. Jangka pendek melibatkan tempoh pemeriksaan untuk tujuan penyelenggaraan secara berkala iaitu mingguan, bulanan dan tahunan.

Jangka panjang pula ditentukan setiap lima tahun. Walau bagaimanapun, bagi penyelenggaraan secara major, Abdul Ghafar (1993) mencadangkan sekurang-kurangnya tempoh 30 tahun. Berdasarkan ketetapan yang diberikan oleh Abdul Ghafar (1993), kajian ini mendapati bahawa 26% (306) pertubuhan yang mendiami kawasan yang melebihi dari tempoh 30 tahun. Ini merupakan indikator yang signifikan dalam mempertimbangkan kos penyelenggaraan yang lebih tinggi bagi taman/desa/kampung mereka.

Dapatan analisis deskriptif G-KOM ini menunjukkan sejumlah pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM iaitu sebanyak 618 pertubuhan iaitu 52% daripada 1,188 pertubuhan telah berdaftar di antara 1 tahun hingga 4 tahun. Ini diikuti dengan pertubuhan yang telah berdaftar di antara 5 hingga 8 tahun dengan jumlah kekerapan sebanyak 252 (21.2 %). Pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM di antara 9 tahun hingga 12 tahun adalah sebanyak 163 (13.7%) pertubuhan. Manakala terdapat kurang daripada 13 peratus jumlah pertubuhan yang telah berdaftar dengan JPPM selama 13 tahun sehingga 33 tahun (rujuk Jadual 12). Merujuk kepada JPPM, pendaftaran pertubuhan adalah berasaskan permohonan ini adalah sah selagi mana ia mematuhi syarat yang disediakan oleh JPPM. Antara sebab pembatalan sesebuah pertubuhan diperuntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) seperti dalam pautan berikut ([https://www.ros.gov.my/index.php?id=2&page\\_id=5&articleid=235](https://www.ros.gov.my/index.php?id=2&page_id=5&articleid=235)):

1. Pertubuhan telah dibubarkan oleh ahli-ahlinya di bawah Seksyen 13(1)(a) Akta 355.
2. Pertubuhan yang didapati bertentangan dengan keselamatan negara, ketenteraman awam atau akhlak negara dan perintah di buat oleh Menteri mengikut Seksyen 5 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1)(b) Akta 355.
3. Pertubuhan yang didaftarkan di atas penipuan atau kesilapan atau salah pernyataan di bawah Seksyen 13(1)(c)(i) Akta 355.
4. Pertubuhan digunakan bagi maksud-maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud-maksud yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, ketenteraman atau akhlak di bawah Seksyen 13(1)(c)(ii) Akta 355.

5. Pertubuhan didapati telah berusaha mencapai tujuan-tujuan lain daripada tujuan-tujuan yang ia didaftarkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(iii) Akta 355.
6. Pertubuhan didapati sengaja melanggar Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 atau undang-undang tubuh atau melanggar Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, di bawah Seksyen 13(1)(c)(iv) Akta 355.
7. Pertubuhan yang tidak wujud lagi di bawah Seksyen 13(1)(c)(v) Akta 355.
8. Pertubuhan yang telah gagal mematuhi perintah meminda undang-undang tubuh pertubuhan seperti yang dikehendaki oleh Pendaftar mengikut Seksyen 13A, seperti disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(vi) Akta 355.
9. Pertubuhan yang gagal mematuhi peruntukan di bawah Seksyen 2A seperti disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(vii) Akta 355.
10. Pertubuhan yang melanggar peruntukan mengikut Seksyen 52 seperti disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(viii) Akta 355.
11. Pertubuhan yang menghadapi pertikaian di kalangan ahli-ahli atau pemegang jawatan dan gagal mematuhi notis di bawah Seksyen 16(1) seperti disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(c)(ix) Akta 355.
12. Pertubuhan yang gagal mengemukakan penyata tahunan seperti disebutkan di bawah Seksyen 13(1)(d) Akta 355.

**Jadual 12: Latar Belakang Demografi Mengikut Tempoh Persatuan Berdaftar Dengan JPPM**

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan</b>
1	1 tahun - 8 tahun	870	73.2
2	9 tahun - 16 tahun	234	19.7
3	17 tahun dan ke atas	84	7.1

## **Perbelanjaan Dana Untuk Aktiviti Pencegahan Jenayah**

Dalam aspek aktiviti pencegahan jenayah, dana G-KOM ini digunakan untuk mengurangkan kadar kes jenayah seperti kes ragut, pecah rumah, dan kecurian seperti yang dibuktikan pada item pertama dengan skor purata 3.89 (SP=1.384). Faktor ini penting dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat. Ini disokong dengan keperluan latihan kesedaran keselamatan wajar diberikan perhatian sewajarnya oleh item ke-2: Dana yang disalurkan digunakan untuk menjayakan program latihan kesedaran keselamatan peringkat pertubuhan dengan skor purata 3.57 (SP=1.47).

Sudah tentunya latihan sahaja tidak memadai dalam pencegahan jenayah di kawasan kediaman penduduk. Oleh itu, penyaluran dana G-KOM ini adalah amat penting dalam membantu menaik taraf sistem keselamatan (item 3), di samping penyelenggaraan sistem keselamatan (seperti aset, utiliti, dan infrastruktur) (item 4) dengan skor purata masing-masing melebihi 3.40. Walau bagaimanapun, pertubuhan menyatakan kurang keberkesanan pada item yang menyatakan tentang kos pembiayaan rondaan KRT dan bayaran gaji pengawal keselamatan dengan skor purata masing-masing pada 2.93 (SP=1.622) dan 1.82 (SP=1.297). Pihak JPPM telah menyatakan dengan jelas bahawa dana G-KOM tidak boleh digunakan untuk pembiayaan pengawal keselamatan dan juga rondaan KRT.

Kesimpulannya, majoriti pertubuhan iaitu lebih daripada 50 peratus pertubuhan (642) menyatakan penyaluran dana G-KOM ini sangat berkesan dalam membantu mengurangkan kadar jenayah di kawasan komuniti tersebut. Manakala 465 pertubuhan yang lain menunjukkan penyaluran dana G-KOM ini di tahap sederhana berkesan. Manakala baki 81 pertubuhan menyatakan pengurusan dana pada tahap kurang berkesan. Hal ini berlaku berikutan dari 81 pertubuhan yang tidak dapat menggunakan dana untuk tujuan pencegahan jenayah secara berkesan kerana kos dalam membaik pulih sistem keselamatan, KRT dan pembayaran gaji pengawal keselamatan tidak dapat dipenuhi dengan jumlah dana G-KOM 2019 sebanyak RM10,000 (sila rujuk Jadual 13 dan Jadual 14).

**Jadual 13: Item Mengukur Keberkesanan Penggunaan Dana G-KOM Tahun 2019 Mengikut Purata dan Sisihan Piawai terhadap Pencegahan Jenayah**

No.	Item	Purata (M)	Sisihan Piawai
1.	Dana yang disalurkan dapat mengurangkan kadar kes jenayah di kawasan ini contohnya kes ragut, pecah rumah, dan kecurian.	3.89	1.384
2.	Dana yang disalurkan digunakan untuk program latihan kesedaran keselamatan peringkat komuniti.	3.57	1.470
3.	Dana yang disalurkan diguna pakai bagi menaik taraf sistem keselamatan (CCTV, peti aduan, hotline, dan lain-lain) bagi mengurangkan kes jenayah.	3.41	1.610
4.	Dana yang disalurkan diguna pakai untuk tujuan penyelenggaraan (aset, utiliti dan infrastruktur) bagi menjamin kesejahteraan penduduk.	3.55	1.519
5.	Dana G-KOM digunakan bagi menyokong perbelanjaan aktiviti rondaan malam yang dilakukan oleh Kumpulan Rukun Tetangga (KRT)/ pengawal keselamatan bagi memantau aktiviti jenayah waktu malam.	2.93	1.622
6.	Kos bagi menggaji pengawal keselamatan menggunakan dana G-KOM	1.82	1.297

**Jadual 14: Tahap Keberkesanan Penggunaan Dana G-KOM Tahun 2019 Terhadap Pencegahan Jenayah Mengikut Purata dan Sisihan Piawai**

<b>Tahap</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan</b>
Kurang Berkesan	81	6.8
Sederhana Berkesan	465	39.1
Sangat Berkesan	642	54.0

Kajian turut melihat taburan tahap keberkesanan mengikut negeri. Merujuk Jadual 15, taburan responden pada tahap sangat berkesan memiliki nisbah yang sama pada setiap negeri dengan bilangan responden yang lebih tinggi dari bilangan responden pada tahap sederhana berkesan dan kurang berkesan. Data juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan tentang perubahan negeri dalam mengenal pasti tahap keberkesanan pengurusan dana G-KOM tahun 2019 ini. Dapatan ini disokong apabila tiada keputusan yang signifikan pada ujian Korelasi Pearson, ujian-T dan juga Chi-Square.

**Jadual 15: Taburan Responden untuk Tahap Keberkesanan  
Pengurusan Dana Aktiviti Pencegahan Jenayah Mengikut Negeri**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kurang Berkesan</b>	<b>Sederhana Berkesan</b>	<b>Sangat Berkesan</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Selangor	20	155	217	392
2.	W.P. Kuala Lumpur	7	36	75	118
3.	Melaka	7	59	65	131
4.	Perak	13	39	58	110
5.	Johor	1	33	42	76
6.	Pahang	10	31	35	76
7.	Terengganu	3	23	34	60
8.	Kelantan	6	20	30	56
9.	Pulau Pinang	1	17	27	45
10.	Negeri Sembilan	1	19	17	37
11.	Sabah	8	12	16	36
12.	Kedah	0	11	13	24
13.	Sarawak	3	6	6	15
14.	W.P. Putrajaya	1	3	4	8
15.	Perlis	0	1	2	3
16.	W.P. Labuan	0	0	1	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		81	465	642	1188



## **Perbelanjaan Dana Untuk Pencegahan Penyalahgunaan Dadah**

Berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan oleh pertubuhan, penerima dana G-KOM ini lebih banyak menfokuskan kepada aspek pencegahan jenayah berbanding aktiviti dan program pencegahan dadah secara keseluruhan. Daripada tujuh (7) item yang diajukan berkaitan dengan aktiviti dan program pencegahan penyalahgunaan, hanya satu (1) item sahaja (item 5- Melalui dana ini, kami menjalankan pelbagai aktiviti sosial bagi membudayakan amalan sihat dalam pertubuhan) yang mempunyai purata skor melebihi 3 (3.59, SP=1.479). Manakala item-item lain berkaitan penganjuran aktiviti, program, penyediaan bahan dan media berkaitan pencegahan dadah menunjukkan di tahap yang sederhana sahaja (skor purata kurang daripada 3).

Fakta ini menjadi lebih kuat apabila 538 pertubuhan (45%) menyatakan aktiviti pencegahan penyalahgunaan dadah adalah di tahap sederhana berkesan. Ini diikuti 456 pertubuhan yang menyatakan aktiviti dan pencegahan penyalahgunaan dadah di tahap yang sangat berkesan. Walau bagaimanapun baki 194 pertubuhan (194, 16.3%) menyatakan aktiviti dan pencegahan penyalahgunaan dadah adalah kurang berkesan jika dibandingkan dengan pencegahan jenayah. Antara faktor yang perlu diberi perhatian ialah geo-lokasi sama ada ia terangkum di dalam kawasan berisiko terhadap penyalahgunaan dadah atau tidak. Ini memberikan maklumat atau isyarat bahawa terdapat dana atau saluran sumber pembiayaan daripada pihak yang lebih berautoriti seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan (rujuk Jadual 16 dan Jadual 17).

**Jadual 16: Item Mengukur Keberkesanan Penggunaan Dana G-KOM  
Tahun 2019 Mengikut Purata dan Sisihan Piawai terhadap  
Penyalahgunaan Dadah**

No.	Item	Purata (M)	Sisihan Piaawai
1.	Dengan dana ini kami menganjurkan program penerangan mengenai bahaya pengambilan dadah dan kesannya terhadap komuniti terlibat	2.97	1.567
2.	Dana ini kami gunakan untuk mendidik komuniti mengenai strategi dan langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi menghindari daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah.	2.98	1.559
3.	Dengan dana ini, kami mengenal pasti individu yang terlibat/berisiko tinggi untuk terjebak dengan penyalahgunaan dadah dalam komuniti.	2.63	1.518
4.	Kami menggunakan dana ini bagi membiayai program pemulihan kepada individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.	2.12	1.361
5.	Melalui dana ini, kami menjalankan pelbagai aktiviti sosial bagi membudayakan amalan sihat dalam komuniti.	3.59	1.479
6.	Dana ini digunakan untuk pembiayaan program kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) atau NGO	2.72	1.547

yang datang ke komuniti ini

7. Dana ini digunakan bagi menampung kos percetakan dan penerbitan seperti poster, *flyers*, kain rentang dan bunting bagi menyampaikan maklumat yang betul dan mencukupi berkaitan salah guna alkohol/dadah dan bahan terlarang.

**Jadual 17: Tahap Keberkesanan Penggunaan Dana G-KOM Tahun 2019 terhadap Penyalahgunaan Dadah Mengikut Purata dan Sisihan Piawai**

Tahap	Kekerapan (n)	Peratusan
Kurang Berkesan	194	16.3
Sederhana Berkesan	538	45.3
Sangat Berkesan	456	38.4

Taburan tahap keberkesanan juga dilihat pada setiap negeri bagi mengenal pasti perubahan pada bilangan responden pada setiap tahap. Menurut dapatan dalam Jadual 18, jumlah responden yang agak tinggi dapat dilihat pada tahap sederhana berkesan terutamanya untuk negeri Selangor (201), WPKL (62), Pahang (40), Johor (48) dan Kedah (11). Keadaan ini menjelaskan tentang latar belakang populasi dan juga kadar kes dadah pada setiap negeri tersebut. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak signifikan apabila bilangan yang lebih rendah pada tahap sangat tidak berkesan. Malah, senario ini memberi petunjuk tentang keprihatinan pertubuhan kepada kadar kes penyalahgunaan dadah di negeri mereka.

**Jadual 18: Taburan Responden untuk Tahap Keberkesanan  
Pengurusan Dana Aktiviti Pencegahan Penyalahgunaan Dadah  
Mengikut Negeri**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kurang Berkesan</b>	<b>Sederhana Berkesan</b>	<b>Sangat Berkesan</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Selangor	86	201	105	392
2.	Melaka	18	44	69	131
3.	Perak	18	41	51	110
4.	W.P. Kuala Lumpur	12	62	44	118
5.	Terengganu	4	17	39	60
6.	Kelantan	6	17	33	56
7.	Pahang	9	40	27	76
8.	Pulau Pinang	6	16	23	45
9.	Johor	11	48	17	76
10.	Negeri Sembilan	6	16	15	37
11.	Sabah	8	15	13	36
12.	Kedah	5	11	8	24
13.	Sarawak	3	6	6	15
14.	Perlis	0	0	3	3
15.	W.P. Putrajaya	2	4	2	8
16.	W.P. Labuan	0	0	1	1
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	194	538	456	1188

## KESIMPULAN

Kesimpulannya dana G-KOM memberi impak yang tinggi nilainya kepada pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM. Selain daripada kelemahan, dana G-KOM memiliki kekuatan dalam membentuk perpaduan dalam kalangan pertubuhan dengan pihak JPPM. Tanpa pertubuhan ini, pertubuhan tidak akan dapat dikawal selia secara lebih dekat melainkan dengan adanya program-program seperti dana G-KOM ini.

Setiap kelemahan pada program G-KOM ini boleh ditambah baik dengan mewujudkan sistem pelarasan dalam kalangan pemegang taruh yang mempunyai hubungan secara langsung dengan pertubuhan. Selain daripada itu, JPPM sebagai pihak yang bertanggungjawab yang menguruskan dana G-KOM ini dapat melihat pembangunan penduduk menerusi aktiviti atau program dan juga perolehan pembelian peralatan bagi setiap pertubuhan.

Kajian ini tidak sahaja melihat kepada keberkesanan pengurusan dana tetapi juga melihat kepada aspirasi pertubuhan itu sendiri dalam memerlukan dana bagi program atau aktiviti lain selain daripada apa yang dicadangkan oleh JPPM. Secara keseluruhannya, tahap Keberkesanan pengurusan dana adalah di peringkat sederhana berkesan dengan dua majoriti kepada sangat berkesan oleh aktiviti dan juga dua nilai yang rendah pada tahap sangat berkesan. Adalah diharapkan dengan adanya dapatan kajian ini pihak JPPM dapat menambah baik program G-KOM melalui cadangan-cadangan yang telah diberikan dalam kajian ini. Selain daripada itu, kerjasama adalah sangat diperlukan daripada agensi-agensi lain dalam memastikan bahawa dana G-KOM ini dapat digunakan dengan lebih berkesan dan memberi manfaat kepada pertubuhan itu sendiri.

## RUJUKAN

- HR Muslim, Kitab al-Asyribah, Bab Bayan Anna Kulii Muskir Khamr, no. 2003.
- Abdul Ghafar Bin Ahmad (1993). Conservation of British Colonial Buildings Built Between 1800 And 1930 In Malaysia. *PhD Thesis* from School of Architectural Studies, University of Sheffield, United Kingdom.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2016). Pelan strategik 2015-2020 Agensi Antidadah Kebangsaan. Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri. Kajang, Selangor. Retrieved from <http://www.adk.gov.my/web/guest/buku-pelan-strategik>
- Alan Khan (2018). Ibu Bapa, Individu Dan NGO Perlu Bekerjasama Dengan Pihak Berkuasa Lawan Ancaman Dadah. *MalaysiaKini 2.0*. [Available Online] <https://www.malaysiakini2.com/ibu-bapa-individu-dan-ngo-perlu-bekerjasama-dengan-pihak-berkuasa-lawan-ancaman-dadah/>. Accessed at 18 February.
- Bobo, L. D. (2009). Crime, urban poverty and social science. *Du Bois Review: Social Science Research on Race*, 6(2), 273-278. <https://doi.org/10.1017/S1742058X0999021X>
- Bollinger, L. C., Burns, U. M., Chenault, K. I., Dolan, P. R., Foster, W. H., & Ph, D. (2010). National Survey of American Attitudes on Substance Abuse XV: Teens and Parents. *Substance Abuse*, (August).
- Chie, Q. T., Tam, C. L., Bonn, G., Dang, H. M., & Khairuddin, R. (2016). Substance abuse, relapse, and treatment program evaluation in Malaysia: Perspective of rehab patients and staffusing the mixed method approach. *Frontiers in Psychiatry*, 7(MAY). <http://doi.org/10.3389/fpsy.2016.00090>

- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hafiz Hamzah, (2009, January). *Warga emas itu disembelih*. *Mastika*. pp. 72-82.
- Hew, W. W. L., Goh, G. G. G., & Lau, S. H. (2019). Managing crime for urban wellbeing and sustainable housing delivery: Through the lens of residents and housing developers in Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 106-121. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-08>
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (n.d.) *Kod Tadbir Urus Baik Pertubuhan (COGG)*. [Available Online] <https://mysociety.ros.gov.my/komponen-mysociety/cogg>. Akses pada 11 Disember 2020.
- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (n.d.) *Soalan Lazim*. [Available Online] [https://www.ros.gov.my/index.php?id=2&page\\_id=5&articleid=235](https://www.ros.gov.my/index.php?id=2&page_id=5&articleid=235). Akses pada 11 Disember 2020.
- Kamal Hassan (2019). Tangani gejala sosial melalui pendekatan bersepadu. *BH Online*. [Available Online] <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/11/624591/tangan-i-gejala-sosial-melalui-pendekatan-bersepadu>. Accessed at 18 february 2021.
- Khalid Awang (2019). KOMENTAR: Isu dadah boleh ditangani menerusi langkah-langkah inspirasi. *BERITA Media Corp*. [Available Online] <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/commentary/komentari-isu-dadah-boleh-ditangani-menerusi-langkah-langkah/4252356.html>. Accessed at 18 February 2021.

- Ludwig, J., Duncan, G. J., & Hirschfield, P. (2001). Urban poverty and juvenile crime: Evidence from a randomized housing-mobility experiment. *The Quarterly Journal of Economics*, 116(2), 655-679.
- Prijono, Tjiptoherijanto. (1995). Arah Kebijakan Makro Pemerintah dalam Mengantisipasi Pasar Global. *Seminar Bisnis STIEIPWI*. Jakarta, 31 Oktober 1995.
- Sampson, R. J., Raudenbush, S. W., & Earls, F. (1997). Neighbourhoods and violent crime: A multilevel study of collective efficacy. *Science, New Series*, 277(5328).
- Schrag, J., & Scotchmer, S. (1997). The self-reinforcing nature of crime. *International review of Law and Economics*, 17(3), 325-335.
- Sidhu, A. A. (2005). The rise of crime in Malaysia: an academic and statistical analysis. *Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College*, 4.
- Spence, M., Annez, P.C., & Buckley, R.M. (Eds). (2009). *Urbanization and growth*. Washington, D.C.: The World Bank. Retrieved from [https://siteresources.worldbank.org/EXTPREMNET/Resources/489960-1338997241035/Growth\\_Commission\\_Vol1\\_Urbanization\\_Growth.pdf](https://siteresources.worldbank.org/EXTPREMNET/Resources/489960-1338997241035/Growth_Commission_Vol1_Urbanization_Growth.pdf)
- Tacoli, C., McGranahan, G., & Satterthwaite, D. (2015). *Urbanization, rural-urban migration and urban poverty*. London: IIED.
- Vicknasingam, B., & Mazlan, M. (2008). Malaysian drug treatment policy: An evolution from total abstinence to harm reduction. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 3 & 4, 107-122. Retrieved from <http://www.adk.gov.my/html/pdf/jurnal/2008/5.pdf>